



FACT SHEET

SEMPENA MAJLIS PELANCARAN KEMPEN

PENOREHAN PERINGKAT NASIONAL

TAHUN 2014

“Menoreh Sempurna, Pendapatan Berganda”

Definisi Pekebun Kecil

Pemilik tanah berdaftar atau penghuni sah atau wakil sah kepada pemilik tanah bagi mana-mana yang mempunyai keluasan tidak lebih daripada 40.4686 hektar (100 ekar) dalam mana-mana skim di bawah Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952.

Piagam Pelanggan:

- Meluluskan permohonan yang lengkap bagi tanam semula dalam tempoh 14 hari selepas tarikh terima.
- Bayar bantuan ansuran semasa dari tarikh kebun diperiksa dalam masa 14 hari
- Bayar bantuan ansuran berturut dari tarikh kebun diperiksa dalam masa 12 hari.
- Bekalan baja dari tarikh kebun diperiksa dalam masa 14 hari
- Bekalan benih dari tarikh kebun diperiksa dalam masa 15 hari
- Memberi maklumbalas awal kepada semua aduan dalam tempoh 7 hari

(SUMBER : Data Asas RISDA, BDPS)

1. PENGENALAN

- 1.1. Amalan Pertanian Baik (GAP) merupakan perkara terpenting dalam memastikan kejayaan program tanam semula yang terdiri daripada kategori berikut:
 - i. **GAP 1** – Penanaman dan penyelenggaraan
 - ii. **GAP 2** – Pembajaan
 - iii. **GAP 3** – Rangsangan
 - iv. **GAP 4** – Penorehan dan penuaian

- 1.2. Majlis Pelancaran Kempen Penorehan Peringkat Nasional Tahun 2014 ini merupakan kesinambungan kepada Kempen Gerakan Membaja dan Kempen Penggunaan Bahan Rangsangan Lateks.

1.3. Majlis Pelancaran Kempen Penorehan Peringkat Nasional Tahun 2014 yang akan dilaksanakan seperti ketetapan berikut:

Tajuk : Majlis Pelancaran Kempen Penorehan Peringkat
Kebangsaan

Tempat : Tsb Purun / Machang Manis

Parlimen : Kuala Krau

Dun : Kerbau

Tarikh : 4 Mac 2014


Masa : 9.30 Pagi

Perasmi : Yb Menteri Kklw

Jumlah Peserta : 3000 Orang

Tagline : Menoreh Sempurna, Pendapatan Berganda

1.4 PELAN LOKASI MAJLIS PELANCARAN



5 MAKLUMAT ASAS TSB Purun / Machang Manis

PARLIMEN	:	Kuala Krau
DUN	:	Kerdau
PRD	:	Temerloh
JENIS TANAMAN	:	Getah
KELUASAN	:	53.331 Hektar
BIL. PESERTA	:	36 orang
TAHUN TANAM	:	2003
JUMLAH BANTUAN TS	:	RM 373,317.00
UMUR POKOK	:	11 tahun
TAHUN DITOREH	:	2008
PRODUKTIVITI	:	1750 kg/hek/tahun (2013)
	:	1670 kg/hek/tahun (2012)
SISTEM TOREHAN	:	S2d2
INSENTIF RISDA	:	SIPG 2013 dan 2014
	:	Jalan crusher run0.5 km (2012)

2. OBJEKTIF

- 2.1. Memberi kesedaran dan pendedahan tentang kepentingan teknik penorehan sempurna bagi memastikan jangka hayat pokok mencapai tempoh yang optima.
- 2.2. Menimbulkan minat untuk mengamalkan teknik penorehan yang sempurna.
- 2.3.** Mengukuhkan, mengekalkan dan menjadikan teknik penorehan sempurna sebagai satu budaya dikalangan pekebun kecil.
- 2.4. Meningkatkan produktiviti dan seterusnya menambahkan pendapatan pekebun kecil sejajar dengan objektif RISDA ke arah mewujudkan sebuah masyarakat pekebun kecil yang sejahtera dan berpendapatan RM4000/bulan/keluarga menjelang tahun 2020.
- 2.5.** Menggalakkan pekebun kecil menoreh sendiri kebun masing-masing atau menggunakan tenaga kerja tempatan sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

3. TAKRIFAN TANAM SEMULA BERKELOMPOK

- 3.1. Tanam Semula Berkelompok (TSB) adalah kaedah pengurusan tanam semula yang menggabungkan kebun-kebun yang berdekatan untuk ditanam semula secara bersama dan serentak yang diuruskan oleh satu jawatankuasa yang dilantik daripada kalangan pemilik yang terlibat. Syarat penubuhan TSB sekurang-kurangnya 8 orang peserta dengan keluasan 10 hektar di mana PRD/PRJ/PRB sebagai penasihat dalam pembangunan kawasan TSB.

4. MAKLUMAT ASAS

4.1. KAWASAN TANAM SEMULA GETAH

TAHUN	JUMLAH ('000 HEKTAR)	JUMLAH KUMULATIF ('000 HEKTAR)
2007	23.1	1,412.0
2008	20.7	1,432.7
2009	20.4	1,453.1
2010	22.7	1,475.8
2011	14.5	1,490.3
2012	36.7	1,527.0
2013*	39.8	1,566.8

* SETAKAT NOVEMBER 2013

SUMBER: RISDA

4.2. **KELUASAN GETAH BERHASIL DI MALAYSIA MENGIKUT TAHUN**

TAHUN	SEMENANJUNG MALAYSIA						SARAWAK & SABAH	JUMLAH KESELURUHAN (‘000 HEK)
	ESTET (‘000 HEK)	%	PEKEBUN KECIL (‘000 HEK)	%	JUMLAH KECIL (‘000 HEK)	%	HASIL (‘000 HEK)	
2005	65.3	6.2	991.9	93.8	1,057.2	93.9	68.9	1,126.1
2006	98.4	7.9	1,143.5	92.1	1,241.9	94.5	71.7	1,313.6
2007	66.8	5.9	1,069.4	94.1	1,136.2	94.7	63.5	1,199.7
2008	59.6	6.0	932.9	94.0	992.5	92.5	79.9	1,072.4
2009	56.2	7.1	732.7	92.9	788.9	92.1	68.1	857.0
2010	56.0	6.5	808.9	93.5	864.9	92.1	74.3	939.2
2011	53.3	5.9	849.5	94.1	902.8	90.6	93.4	996.2
2012	58.8	7.0	777.7	93.0	836.5	90.6	86.3	922.8

SUMBER: LGM & DOS

4.3. PURATA HASIL GETAH NEGARA MENGIKUT SEKTOR

TAHUN	ESTET (KG/HEKTAR)	PEKEBUN KECIL (KG/HEKTAR)	PURATA (KG/HEKTAR)
2005	1,381	1,320	1,320
2006	1,525	1,358	1,370
2007	1,545	1,414	1,420
2008	1,560	1,420	1,430
2009	1,519	1,440	1,450
2010	1,546	1,470	1,480
2011	1,620	1,489	1,500
2012	1,640	1,460	1,520

SUMBER: LGM

4.4. **STATUS TENAGA KERJA LADANG-LADANG SMR SETAKAT OKTOBER 2013**

BIL	SMR	LUAS BERHASIL (HEK)	BIL. TENAGA KERJA				KEKURANGAN/LEBIHAN	%
			SEPATUT	SEDIADA		JUMLAH		
				TEMPATAN	TKA			
1	RPSB	2,142.84	429	463	132	595	166	39.0
2	ESPEK	277.01	55	69	-	69	14	24.5
3	RSSB	1,092.84	219	63	-	63	-156	-71.2
	JUMLAH	3,512.69	703	595	132	727	24.03	3.4

SUMBER: RISDA

4.5. **PRESTASI BIMBINGAN DAN LATIHAN GAP TAHUN 2013**

BIL	PT	BIL. PK DIBIMBING SETAKAT INI (ORANG)	PELAKSANAAN GAP (BIL. PK)			
			GAP 1	GAP 2	GAP 3	GAP 4
1	JOHOR	2,900	2,900	2,485	1,389	2,900
2	MELAKA	2,185	2,185	1,372	649	2,185
3	NEGERI SEMBILAN	2,878	2,878	2,288	1,546	2,878
4	SELANGOR	979	979	804	883	979
5	PERAK	5,196	4,892	2,998	2,240	4,854
6	PULAU PINANG	155	155	132	45	155
7	KEDAH	6,318	6,292	3,473	969	6,007
8	PERLIS	615	615	593	505	615
9	PAHANG	6,980	6,432	3,493	2,993	6,980
10	KELANTAN	6,490	6,351	5,094	4,492	6,490
11	TERENGGANU	4,989	4,241	3,000	2,466	4,989
12	SABAH	626	626	307	264	348
13	SARAWAK	608	390	445	486	390
JUMLAH		40,919	38,936	26,484	18,927	39,770

3.6 Pecahan TSB (keseluruhan) mengikut negeri seperti berikut:

BIL	NEGERI	BIL PEKEBUN KECIL	LUAS (HEKTAR)	BILANGAN PESERTA
1	JOHOR	129	7,585.18	3,514
2	KEDAH	157	8,219.87	4,623
3	KELANTAN	139	6,005.94	3,285
4	MELAKA	143	6,497.74	4,720
5	NEGERI SEMBILAN	285	18,602.90	11,571
6	PAHANG	741	47,381.32	22,628
7	PERAK	413	16,293.32	11,854
8	PERLIS	11	249.27	182
9	PULAU PINANG	12	190.33	158
10	SELANGOR	68	2,984.33	1,914
11	TERENGGANU	184	6,949.13	3,609
12	SARAWAK	8	324.48	145
	JUMLAH	2,290	121,283.81	68,203

3.7 PRODUKTIVITI GETAH PEKEBUN KECIL SETAKAT DISEMBER 2013 BERBANDING 2012

PENDEKATAN	LUAS BERHASIL (HEK)	PRODUKTIVITI (KG/HEK/THN)		
		2012	2013	BEZA (KG/HEK)
TSB	11,826	1,653	1,674	21
TSI	23,877	1,583	1,655	72
JUMLAH	35,703	1,613	1,660	47

3.8 Kedudukan Prestasi Produktiviti Tertinggi (TSB) Tahun 2013 Mengikut Negeri

BIL	NEGERI	NAMA TSB	LUAS (HEKTAR)	HASIL (KG/HEKTAR)
1	JOHOR	TSB PKM Kg Melayu Raya, Segamat	118.15	1857.39
2	KEDAH	TSB Kg Nami, Pdg Terap	12.8	2659.08
3	KELANTAN	TSS Gertak Kangkong, Kuala Kerai	27.11	2194.83
4	MELAKA	TSB Air Balak	13.3195	2177.19
5	NEGERI SEMBILAN	TSB Parit Gong 3, NS Barat	32.89	1706.81
6	PAHANG	TSB Kg Lalang, Lipis	23.71	2557.77
7	PERAK	TSB Juang, Perak Tengah Kinta	16.088	2034.32
8	PERLIS	TSB Kg Aman	35.27	1883.13
9	PULAU PINANG	-	-	-
10	SELANGOR	TSB Sg Tekali, Ulu Langat	28.1833	1915.02
11	TERENGGANU	TSB Air Sejuk 1 dan 2, Setiu	87.63	1857.99

KPI RISDA : 1,650 KG/HEKTAR/THN (sumber BPP)

3.7 Purata Produktiviti Hasil Tanam Semula Berkelompok (getah) tahun 2013

BIL	NEGERI	Bil. TSB	LUAS BERHASIL (HEK)	PURATA PRODUKTIVITI (kg/hek/thn)	GTT	BIL. HARI MENOREH	% CAPAI KPI (1,650 kg/hek/thn)
1	JOHOR	13	332.66	1,718	31	138	104
2	KEDAH	88	1488.047	1,706	31	124	103
3	KELANTAN	35	1671.24	1,765	29	148	107
4	MELAKA	8	620.31	1,625	26	141	99
5	NEGERI SEMBILAN	21	408.05	1,665	32	117	101
6	PAHANG	112	3598.75	1,696	32	129	103
7	PERAK	62	854.48	1,579	34	115	96
8	PERLIS	3	71.14	1,757	34	148	107
9	PULAU PINANG	0	0	-	0	0	-
10	SELANGOR	10	169.42	1,485	32	169	90
11	TERENGGANU	84	2611.54	1,617	34	125	98
	JUMLAH	436	11,825.66	1,674	32	109	102

3.8 Purata Produktiviti Hasil Tanam Semula Individu (getah) tahun 2013 (LPT-2)

BIL	NEGERI	BIL. PESERTA	LUAS BERHASIL (HEK)	PURATA PRODUKTIVITI (kg/hek/thn)	GTT	BIL. HARI MENOREH	% CAPAI KPI (1,650 kg/hek/thn)
1	JOHOR	1408	2037	1565	38	99	94.85
2	KEDAH	128	179	1526	34	126	92.48
3	KELANTAN	4600	7001	1842	32	135	111.64
4	MELAKA	739	1581	1552	27	131	94.05
5	NEGERI SEMBILAN	953	1270	1654	31	128	100.24
6	PAHANG	2145	4087	1667	31	131	101.03
7	PERAK	1653	2177	1748	33	118	105.94
8	PERLIS	120	151	1778	32	137	107.76
9	PULAU PINANG	61	51	1419	36	115	86
10	SELANGOR	119	161	1410	31	113	85.45
11	TERENGGANU	2979	5180	1474	32	128	89.33
	JUMLAH	14905	23877	1,665	32	124	101

5. MAKLUMAT PROGRAM TANAM SEMULA GETAH RISDA (2012)

BIL	NEGERI	BIL PEKEBUN KECIL	LUAS (HEKTAR)
1	JOHOR	21,987	51,932.57
2	KEDAH	49,174	108,348.61
3	KELANTAN	46,932	88101.47
4	MELAKA	11,777	22,999.35
5	NEGERI SEMBILAN	29,730	64,920.77
6	PAHANG	41,497	114,417.57
7	PERAK	36,018	70,335.37
8	PERLIS	2,262	4,395.67
9	PULAU PINANG	1,291	1,610.60
10	SELANGOR	7,693	14,929.20
11	TERENGGANU	20,104	48,613.50
12	SABAH	3,420	7,528.09
13	SARAWAK	3,854	9,781.45
	JUMLAH	275,739	607,914.22

(SUMBER : Data Asas RISDA, BDPS)

5.1. Kadar bantuan Tanam Semula RISDA

- Tanam Semula Getah ke Getah

ANSURAN	KADAR		
	SEMENANJUNG MALAYSIA	SABAH	SARAWAK
1	4,030	6,960	6,360
2	900	1,700	1,700
3	1,000	1,350	1,350
4	1,000	1,200	1,250
5	1,400	1,900	1,950
6	900	890	890
JUMLAH	9,230	14,000	13,500

BERMULA : SUMBER : Data Asas RISDA – BDPS

- **Tanam baru Komoditi Getah (TBKG)**

ANSURAN	SEMENANJUNG MALAYSIA
1	4,030
2	900
3	1,000
4	1,000
5	1,400
6	900
JUMLAH	9,230

- **Tanam Semula Sawit ke Sawit Pekebun Kecil (TSSPK-NKEA)**

ANSURAN	BAYARAN (RM)
1	5,300
2	1,100
3	1,100
JUMLAH	7,500

(SUMBER : Data Asas RISDA – BDPS)

6. MAKLUMAT PENOREHAN MENGIKUT AMALAN PERTANIAN BAIK

Kebanyakan klon Lateks Timber Clone (LTC) dapat ditoreh dalam jangkamasa 4½ tahun selepas anak polibeg ditanam keladang. Pokok boleh dibuka tapak torehannya bila lilitan batangnya berukuran 45 sm disukat pada ketinggian 150 sm dari paras tanah. Penentuan lot itu sudah sesuai dibuka tapak torehan adalah berasaskan banci torehan.

6.1 BANCI TOREHAN

- Tiap-tiap pokok - 150 sm dari paras tanah.
 - ukuran 45 sm atau lebih hendaklah ditanda 3 titik.
 - Ukuran kurang dari 45 sm tetapi lebih dari 40 sm ditanda dengan 2 titik.
 - Ukuran kurang dari 40 sm tetapi lebih dari 35 sm ditanda dengan 1 titik.
- Kerja banci diulang setiap 3 bulan sehingga pokok yang bertanda 1 dan 2 titik bertambah lilitan menjadi 3 titik.
- Membuka tapak torehan boleh dimulakan apabila 75% daripada pokok sudah mencapai 3 titik.

6.2 SIMBOL TOREHAN

Satu media perhubungan antarabangsa ;

➤ Kekerapan Torehan

d/1 = hari-hari.

d/2 = selang 1 hari. (1 hari toreh dan 1 hari rehat)

d/3 = selang 2 hari (1 hari toreh dan 2 hari rehat)

d/4 = selang 3 hari. (1 hari toreh dan 3 hari rehat)

d/5 = selang 4 hari. (1 hari toreh dan 4 hari rehat)

d/6 = selang 5 hari. (1 hari toreh dan 5 hari rehat)

d/0.5 = dua kali sehari.

Sumber: Buku Teknologi Perladangan & Pemprosesan Getah LGM

6.3 SIMBOL PANEL TOREHAN

Gantian atau giliran panel pula menggunakan nombor;

BO-1 = alur torehan pertama pada kulit dara panel rendah.

BI-3 = alur torehan ketiga pada kulit pulihan pertama panel rendah.

BII-2 = alur torehan kedua pada kulit pulihan kedua panel rendah.

HO-4 = alur torehan keempat pada kulit dara panel tinggi.

Sumber: Buku Teknologi Perladangan & Pemprosesan Getah LGM

6.4 WAKTU PENOREHAN

Kerja penorehan dibuat seawal pagi yang boleh dan selalunya dirujuk sebagai torehan waktu subuh. Tiada masa khusus yang ditentukan. Ianya bermula apabila tapak torehan dapat dilihat dengan jelas tanpa menggunakan cahaya lampu. Kadar perpeluhan pokok yang masih rendah di awal pagi membolehkan sel-sel pokok berkeadaan cekang dan memberi kesan pengeluaran lateks yang lebih lama.

Kuantiti pengaliran lateks mengikut waktu menoreh

Waktu Menoreh	Kuantiti lateks sepokok (ml)
4.00 pagi	155
8.30 pagi	129
12.30 Tengahari	112

Sumber: Buku Teknologi Perladangan & Pemprosesan Getah LGM

6.5 KEDALAMAN TOREHAN.

Kulit pokok getah mengandung beberapa lapisan yang mengandung saluran lateks. Kedalaman yang ideal membolehkan saluran lateks terpotong seterusnya meningkatkan hasil torehan. Torehan yang terlalu dalam hingga mencederakan cambium (lapisan diantara kayu dan kulit). Kecederaan ini menyebabkan kandungan getah kering (KGK) menurun disamping menyebabkan pokok tercedera dan menyebabkan pemulihan kulit yang tidak serata.

Lingkar Saliran Lateks Yang Terpangkas Mengikut Kedalaman Torehan.

Kedalam Torehan (mm dari kambium)	Bilangan Lingkar Saluran Lateks Terpangkas
2.0	38
1.5	48
1.0	62

Sumber: Buku Teknologi Perladangan & Pemprosesan Getah LGM

6.6 MAKLUMAT HARGA GETAH:

Harga getah dipengaruhi oleh hasil getah yang bersih melalui pengurusan penorehan yang baik bagi mencapai produktiviti yang tinggi. 3 faktor yang perlu diberi perhatian adalah:

- a) Hasil sekali toreh sepokok (gram/tapping/tree – gtt)
- b) Bilangan pokok sehektar (BPS)
- c) Bilangan Hari Menoreh (BHM)

- Pertalian antara ketiga-tiga faktor diringkaskan dalam persamaan berikut:

$$\text{Kg/hek/tahun} = \frac{\text{g/t/t} \times \text{BPS} \times \text{BHM}}{1000}$$